

23 APR 1998

#### KADAR PINJAMAN RENDAH 9.5 PERATUS BAGI KERETA PROTON, KATA EON

SHAH ALAM, 23 April (Bernama) -- Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), yang menjangka memperolehi pelanggan yang ke sejuta bulan depan, mengumumkan hari ini bahawa kadar faedah ke atas pinjaman kereta yang diberikan oleh panel syarikat kewangannya akan dikurangkan kepada 9.5 peratus daripada 10 peratus sebelumnya dan akan berkuatkuasa dengan segera.

"Pengumuman itu akan menjadi berita baik bagi bakal pembeli kereta Proton," kata pengarah urusannya, Datuk Adzmi Abdul Wahab.

Panel syarikat kewangan EON adalah EON Finance Bhd, Credit Corporation Malaysia Bhd dan BSN Finance Bhd. EON adalah pengedar tunggal bagi Proton Saga Iswara, Proton Wira Sedan dan Proton Perdana DI Malaysia.

"Pengurangan itu akan berkuatkuasa bagi tempahan baru dan menjadikan kereta kami lebih mudah untuk dimiliki dalam keadaan sukar ketika ini," katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari media EON CEO di sini.

Apabila ditanya mengenai had maksimum pinjaman kenderaan bagi kereta yang berharga RM40,000 dan ke atas, beliau berkata paras bagi jenis itu masih kekal pada 70 peratus.

Syarikat kewangan dilaporkan masih menunggu Bank Negara Malaysia untuk mengumumkan garis panduan mengenai cadangan kenaikan had tertinggi maksimum kepada 85 peratus seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Mengenai kereta Proton Iswara Aeroback 1.3 c.c, yang berharga RM29,683, Adzmi berkata EON setakat ini telah menerima lebih daripada 2,000 tempahan sejak harga baru itu diumumkan pada 1 April lalu.

EON juga sedang mengkaji kemungkinan menawarkan potongan yang sama kepada kereta jenis Wira, katanya.

Sebelum ini Proton Iswara Aeroback jenis itu dijual pada harga RM39,752.55 dengan aksesori penuh manakala tawaran baru ini hanya disertakan dengan pendingin udara.

Sehingga kini, beliau berkata waktu penghantaran Proton Iswara itu adalah dalam tempoh enam minggu selepas tempahan.

Beliau berkata tiada tempoh menunggu bagi model lain.

Adzmi berkata EON juga menerima sambutan menggalakkan bagi kereta Proton terpakai yang dijual oleh anak syarikatnya, EON Motoria Sdn Bhd, menerusi beberapa "Pameran Auto" yang diadakan baru-baru ini.

Adzmi berkata syarikat itu akan menganjurkan lebih banyak Pameran Auto Motoria di bandar-bandar lain pada akhir bulan ini. Destinasi seterusnya selepas Ipoh adalah Pulau Pinang, Alor Setar dan Johor Bahru.

Sepanjang tempoh pameran empat hari di Ipoh, 61 kereta terpakai Proton berjaya dijual. Pameran yang serupa juga diadakan di Subang Jaya dan Ampang, Kuala Lumpur. -- BERNAMA

YY ZK MA